



SIARAN MEDIA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
19 JUN 2025
PORTAL eGUMIS TERIMA ANUGERAH
MALAYSIA PUBLIC SECTOR INITIATIVE OF THE YEAR

Singapura, 19 Jun 2025 – Portal eGUMIS yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah dianugerahkan sebagai *Malaysia Public Sector Initiative of the Year* dalam **GovMedia Conference & Awards 2025** yang berlangsung hari ini.

Anugerah peringkat Asia ini dianjurkan oleh Charlton Media Group Pte Ltd, bertujuan mengiktiraf pencapaian cemerlang dan inovasi dalam pelaksanaan sistem digital oleh agensi-agensi kerajaan, khususnya yang memberi manfaat langsung kepada rakyat. Mewakili JANM untuk menerima anugerah tersebut ialah Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, Puan Nawiah Mohet.

Portal eGUMIS, yang merupakan sistem dalam talian bagi semakan dan tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD) telah mula diperkenalkan pada tahun 2020. Sehingga tahun 2024, hampir seramai 5.7 juta pengguna telah mendapat manfaat daripada sistem ini dalam urusan berkaitan WTD.

Transformasi digital inovatif ini bukan sahaja mempercepatkan penyampaian perkhidmatan, malah memastikan tahap ketelusan, ketepatan dan kepuasan rakyat yang lebih tinggi. Selain itu, pelaksanaan eGUMIS dengan keupayaan Proses Automasi Robotik (RPA) merupakan salah satu pencapaian di bawah Projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB), sekali gus membuktikan komitmen Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang responsif dan berteraskan rakyat.

Fokus utama penambahbaikan tertumpu kepada pembangunan aplikasi mudah alih eGUMIS JANM yang membolehkan semakan Wang Tak Dituntut (WTD) dilakukan dengan lebih mudah di hujung jari. Di samping itu, sistem eGUMIS turut diperkasakan melalui integrasi bersama agensi-agensi lain bagi tujuan validasi data secara bersepadu. Penambahbaikan ini dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan pembangunan sistem yang tangkas dan responsif serta bagi memastikan sistem kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.

Inisiatif ini menyokong Pelan Hala Tuju Transformasi Digital Sektor Awam Malaysia dan selari dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, membuktikan keupayaan agensi untuk bertindak balas terhadap keperluan perkhidmatan awam yang sentiasa berubah.

Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan penting terhadap komitmen JANM dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam melalui pendigitalan dan inovasi sistem.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi email korporat@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

19 JUN 2025



